

Newspaper	Berita Harian
Date	21/11/2012

Dr Siti Hasmah anggap teater kisah hidup berjaya

BH
- 21/11/2012

"Alhamdulillah, daripada apa yang saya lihat, teater ini berjaya. Saya agak terkejut kerana inilah kali pertama saya menontonnya.

"Saya dengar komen daripada orang yang sudah melihatnya. Mereka beritahu saya, ia baik. Ada sesetengah babak yang buat kita ketawa dan sesetengah babak membuatkan kita boleh mengalirkan air mata," demikian komen Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali apabila diminta mengulas teater mengenai dirinya, Teater *Tun Siti Hasmah*, yang disaksikan bersama suami, Tun Dr Mahathir Mohamad, malam kelmarin.

Persembahan terakhir itu menyaksikan Panggung Sari Istana Budaya padat dengan penonton.



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama sebahagian pelakon dan penerbit **mengaminkan doa selepas tamat persembahan** teater *Tun Siti Hasmah* di Istana Budaya. [FOTO YAHAYA HASHIM/ BH]

Teater berkenaan diterbitkan World Islamic Networks Televisions Sdn Bhd.

Mengenai ura-ura penerbitnya ingin membawa teater itu ke layar perak, Dr Siti Hasmah menyarankan agar butiran terperinci dan peristiwa sebenar perlu dimasukkan.

"Teater dan filem ialah dua perkara berbeza, tetapi jalan ceritanya (filem) adalah untuk penonton,"

kata beliau.

Dr Mahathir turut terhibur dengan teater berkenaan dan jelas gembira dengan hasilnya.

"Saya tidak tahu nak kata apa, tetapi sudah tentu saya gembira," kata beliau.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, teater terbabit juga banyak memapar mengenai dirinya dan beliau teruja dengannya.

Penerbitnya, Datuk Paduka

Khairuddin Abu Hassan, mengucapkan terima kasih kepada Dr Siti Hasmah kerana membenarkan kisah hidupnya dikongsi dengan penonton.

Inspirasi untuk wanita

"Pada mulanya Tun Siti Hasmah enggan membenarkan kami dan selepas setahun memujuk, akhirnya beliau bersetuju dengan syarat pementasan itu menjadi ins-

“
Saya dengar komen daripada orang yang sudah melihatnya. Mereka beritahu saya, ia baik. Ada sesetengah babak yang buat kita ketawa dan sesetengah babak membuatkan kita boleh mengalirkan air mata”

Dr Siti Hasmah,
Isteri bekas Perdana Menteri

pirasi kepada wanita untuk cemerlang di negara ini," katanya.

Mengenai sambutan teater itu, Khairuddin berkata, kebanyakan penonton ialah generasi muda dan mereka memberi maklum balas positif apabila dapat mempelajari sesuatu termasuk mengenali lebih dekat kehidupan Dr Siti Hasmah dan dedikasinya terhadap masyarakat.

BERNAMA